

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	06 JUNE 2017

Dr M gagal cari calon PM ikut telunjuk

BH- 6/6/2017 pg. 11

Setelah berulang kali menafikan beliau mahu berkuasa kembali, 1 Jun lalu Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tun Dr Mahathir Mohamad, menyebut yang beliau sedia menimbang untuk menjadi Perdana Menteri (PM) sekiranya ia dicadangkan dan dipersetujui pemimpin Pakatan Harapan (PH).

Kesediaan beliau menimbang untuk menjadi PM semula ini kemungkinan besar berpunca daripada empat faktor.

Faktor pertama adalah kerana beliau sejak awal lagi tidak dapat menerima Ketua Umum PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim, sebagai calon PM. Paling tinggi Dr Mahathir boleh menerima Anwar adalah setakat berusaha membebaskan beliau seperti dengan memakai lenca 'Free Anwar Now' (Bebaskan Anwar Sekarang) atau menandatangani petisyen pembebasan Anwar sahaja.

Untuk Dr Mahathir menerima Anwar sebagai calon PM adalah sesuatu yang tidak mungkin, dan ini terpahat dalam penegasan pada memoir beliau yang tidak pernah ditarik kembali, iaitu memecat Anwar pada 1998 adalah tindakan tepat dan bukan satu kesilapan.

Sebab itu bila pemimpin dan penyokong PKR mengangkat Plakad 'Anwar' PM Ke-7 di Kongres Nasional Tahunan PKR Ke-12 pada 21 Mei lalu, Dr Mahathir tidak mengangkatnya.

Sebab itu juga bila Naib Presiden PKR, Rafizi Ramli mengumumkan, pada 24 Mei, dapatan kaji selidik Invoke Malaysia bahawa 23.5 peratus daripada respondennya bersetuju supaya Anwar menjadi PM jika PH menang, Dr Mahathir menyifatkannya sebagai 'syok sendiri'.

Bersekali dengan penolakan Dr Mahathir terhadap Anwar ini adalah penolakan beliau terhadap isteri Anwar yang juga Presiden PKR, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, yang terbukti di dalam tindakan beliau mempersoalkan cadangan awal Ketua Ahli Parlimen DAP, Lim Kit Siang, dan Setiausaha Organisasi Kebangsaan DAP, Anthony Loke, untuk melantik Wan Azizah ke jawatan itu.

Faktor kedua adalah kerana kegagalan beliau mencari seorang calon PM yang sedia dikawal dan boleh mengikut telunjuk beliau bagi memastikan kepentingan beliau terjaga, termasuk bagi mengelak kemungkinan beliau berdepan masalah ekoran tindakan lampau beliau, jika PH memerintah.

Kemungkinan beliau berdepan

masalah ini adalah nyata jika dilihat kepada sikap negatif sekumpulan pemimpin dan penyokong PKR terhadap Dr Mahathir, termasuk tindakan merujukkan beliau sebagai 'maha firaun' dan 'maha zalim' di dalam Himpunan Anti-GST pada 2 April 2016 serta tindakan mengherdik dan menolak gesaan untuk melupakan sengketa lama di dalam Konvensyen Reformis Malaysia pada 25 Februari lalu.

Perlu diingat, Dr Mahathir sendiri pernah, pada 21 September 2016, menyatakan, jika PH menang, calon PM ialah Presiden PPBM, Tan Sri Muhyiddin Yassin. Bila Dr Mahathir bersedia menimbang untuk menjadi PM semula, ini bermakna Muhyiddin sama ada sudah tidak lagi diyakini untuk menjaga kepentingan beliau atau sudah tidak lagi diyakini untuk diterima oleh pemimpin PH lain.

Keluar parti beramai-ramai

Dakwaan kewujudan puak yang sengit dalam PPBM, yang membawa kepada tindakan keluar parti secara beramai-ramai oleh sebilangan pemimpin dan ahli PPBM, menjadi petunjuk ketidakyakinan Dr Mahathir terhadap Muhyiddin ini.

Faktor ketiga adalah kemungkinan Dr Mahathir dapat membaca arus perubahan di dalam parti paling berkuasa di dalam PH, iaitu DAP, sehubungan dengan isu calon PM ini. Tidak seperti sebelum ini, bila isu calon PM timbul semula, pemimpin DAP tidak lagi kelihatan komited menyatakan sokongan tidak berbelah-bagi terha-

dap Anwar.

Ahli baharu DAP yang rapat dengan Kit Siang, iaitu Datuk Zaid Ibrahim, mula-mula menyatakan sokongan terhadap Dr Mahathir, dan beliau disokong oleh Naib Pengerusi DAP, M Kula Segaran. Portal berita *Malaysiakini*, yang diketahui pro-DAP, pula mengeluarkan kenyataan, pada 25 Mei, hasil kaji selidik bahawa 69.9 peratus daripada respondennya bersetuju Dr Mahathir menjadi PM jika PH menang.

Kesediaan jadi PM

Selepas Dr Mahathir menyatakan kesediaan menimbang untuk menjadi PM semula pun, Kit Siang, pada 3 Jun lalu, sekadar menyebut ini akan diserahkan kepada pimpinan PH untuk diputuskan, selain memuji pemerintahan Dr Mahathir pada hari sama.

Ini sekali gus menjadikan kebenaran penegasan Naib Presiden PKR, Shamsul Iskandar Mohd Akin, pada 2 Jun mengenai kewujudan konsensus sejak dari awal pembentukan PH bahawa Anwar adalah calon PM, boleh dipersoalkan.

Faktor keempat ada hubungan dengan sifat 'superiority complex' Dr Mahathir yang memandang rendah orang lain dan melihat hanya beliau yang mempunyai kecerdikan, kepakaran dan pengalaman untuk membuat yang terbaik bagi Malaysia. Sifat 'superiority complex' Dr Mahathir ini, yang menampakkan hasrat beliau mahupun parti beliau untuk mendominasi PH, boleh menimbulkan masalah komited menyatakan sokongan tidak berbelah-bagi terha-

didasarkan kepada prinsip konsensus.

Sudah digariskan di dalam Perjanjian PH bahawa perjalanan kerajaan atau pentadbiran PH di setiap peringkat adalah tertakluk kepada Dasar Bersama PH dan pentadbiran kerajaan PH akan diketuai oleh seorang ketua yang dipilih berasaskan prinsip konsensus.

PKR mahu Anwar jadi PM

Bila PKR berkeras mahukan Anwar dan PPBM berkeras mahukan Dr Mahathir sebagai calon PM, sudah tentulah yang akan berkuasa untuk memberikan kata pemutus mengenainya nanti adalah DAP, di samping pengikut setiaanya, Parti Amanah Negara (PAN).

Di sinilah kebijaksanaan pemimpin DAP berpolitik, seperti yang diakui sendiri oleh Kit Siang di dalam wawancara beliau dengan seorang penuntut sarjana, iaitu menggunakan satu parti rakan untuk memastikan satu lagi parti rakan lain dapat dikawal.

Tepat tulisan Pengarang Bersekutu (Ehwal semasa) BH, Kadir Dikoh, 4 Jun lalu, berbunyi 'DAP dengan jangkaan jumlah kerusi terbanyak dalam PH mungkin penentu siapa dan jawatan apa dalam Kabinet PH; itupun hanya jika Kabinet PH berjaya dibentuk.'

Apa yang jelas ialah PH hanya indah khabar dari rupa. Buktinya, Perjanjian PH pada 9 Januari 2016 menceritakan mengenai 'keputusan bersama', 'pembinaan kesatuan politik' dan 'penyelesaian pertikaian' tetapi hingga kini pertikaian terbuka terus berpanjangan.

Komentar



Dr Kamarul
Zaman Yusoff

Felo Utama Institut Kajian Strategik Islam Malaysia (IKSIM) dan Pengarah Pusat Kajian Politik Malaysia (MAPAN), Universiti Utara Malaysia



Keratan akhbar BH 22 Mei